# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 6 MAC 2025

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br><br>4.<br>5.<br><br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | MENDEPANI MASALAH NELAYAN, LOKAL, HM -20<br>PESAWAH MOHON KERAJAAN KAJI, PINDA AKTA 522, NASIONAL, SH -9<br>APUNGKAN HARGA BERAS PUTIH TEMPATAN, STRUKTUR SEMULA BERNAS, NASIONAL, SH -9<br>TANGANI MASALAH NELAYAN NEGARA, NASIONAL, SH -13<br>SLU KPKM BERJAYA RUNGKAI MASALAH DIHADAPI NELAYAN, NASIONAL, SH -13<br>INSENTIF KPKM TINGKAT KUALITI NELAYAN, NASIONAL, SH -13<br>CASUAL EXCHANGE, NATIONAL, THE SUN -2<br>DPM TO TACKLE FISHERMEN DETENTIONS, NEWS, NST -7<br>BETTER DEAL FOR FISHERMEN, NATION, THE STAR -4<br>MINISTRY TO MEET JOHOR POULTRY FARMERS AFTER WEE RAISES SUBSIDY WOES, NATION, THE STAR -9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 11.<br><br>12. | TANAM PADI LIMA MUSIM DALAM DUA TAHUN, JAMIN BEKALAN BERAS -MADA, NASIONAL, SH -9<br>KERAJAAN DIGESA PERCEPATKAN PROJEK JENIANG TRANSFER, UTARA, HARAKAH -20 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 13.<br><br>14.<br><br>15.<br><br>16. | SIAPA DALANG SOROK BERAS TEMPATAN?, MUKA DEPAN, HARAKAH -1<br>LIMA DEKAD LALU HARGA BERAS TAK SEMAHAL SEKARANG, NASIONAL, HARAKAH -H2<br>50 TAHUN DULU BPT ADA DIPASARAN, SEKARANG SUKAR DIPEROLEH, NASIONAL, HARAKAH -H3<br>BERAS TEMPATAN DICAMPUR BERAS IMPORT: KERAJAAN GAGAL, MEMO PEMBACA, HARAKAH -5 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2025 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

JAWATANKUASA KABINET RENTAS LIMA KEMENTERIAN BAKAL DITUBUH

# Mendepani masalah nelayan

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Bagan Datuk**

Jawatankuasa Kabinet merentasi lima kementerian akan ditubuhkan bagi menyantuni dan mendepani masalah dihadapi golongan nelayan di seluruh negara.

Kementerian terbabit adalah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Kementerian Ekonomi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau sendiri akan mempengerusikan jawatankuasa berkenaan.

Menurutnya, penubuhan jawatankuasa itu bagi mencari jalan dalam menyelesaikan permasalahan nelayan seperti subsidi diesel selain beberapa insentif baharu yang ingin dilaksanakan kepada golongan itu.

"Saya akan mempengerusikan jawatankuasa peringkat tinggi itu bagi mencari jalan menyelesaikan beberapa permasalahan yang diutarakan menerusi beberapa sesi libat urus bersama nelayan.

> **"Jadi, saya akan mencadangkan pada Kabinet pada Jumaat ini (esok) supaya jawatankuasa peringkat tinggi ini dapat dibuat membabitkan lima kementerian"**
>
> *Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi*

"Jadi, saya akan mencadangkan pada Kabinet pada Jumaat ini (esok) supaya jawatankuasa peringkat tinggi ini dapat dibuat membabitkan lima kementerian," katanya selepas Sesi Libat Urus Bersama Komuniti Nelayan Zon Pantai Barat di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Ketua Setiausaha KPKM Datuk Seri Isham Ishak dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil.

Jun lalu, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim menyarankan kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet rentas kementerian bagi membanteras penyeludupan diesel bersubsidi didakwa berlaku dalam kalangan nelayan tempatan.




AHMAD Zahid dan Mohamed bersama penerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) di Dewan Dato Lop Hashim Bagan Datuk. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid berkata, biarpun penyasaran subsidi diesel dan petrol kepada nelayan belum dimuktamadkan, namun kerajaan tetap berusaha membantu nelayan antaranya melalui cadangan merangka skema khusus berbentuk insentif bayaran mengikut kepada hasil tangkapan.

Katanya, insentif bertujuan menggalakkan tangkapan ikan lebih banyak itu bagaimanapun perlu mengambil masa untuk dilaksanakan kerana perlu dibawa kepada persetujuan Jemaah Menteri.

"Mengenai penyasaran subsidi diesel untuk nelayan, perkara ini belum dimuktamadkan, namun kita mahu supaya apabila penyelarasan kepada usaha-usaha penyasaran subsidi dilakukan, kerajaan tidak dianggap sebagai lari daripada tanggungjawab membantu nelayan.

"Sebaliknya ada satu skema khusus untuk menggantikan penyasaran ini kepada bentuk bantuan bagi kebajikan komuniti nelayan keseluruhannya. "Memberi insentif kewangan kepada nelayan yang mana bantuan ini dibuat mengikut nilai dan jumlah tangkapan, pada hemat saya adalah satu usaha untuk memperbaiki sistem sedia ada," katanya.

Mengenai sesi libat urus dihadiri kira-kira 500 nelayan dari Perak, Selangor dan Negeri Sembilan, Ahmad Zahid berkata, ianya adalah sesi kelima diadakan KPKM sebagai platform terbaik berinteraksi dengan wakil nelayan, pengusaha dan agensi berkaitan serta merangka solusi praktikal menerusi penggubalan dasar.

Pelbagai isu kritikal sektor perikanan dibincangkan dalam sesi libat urus antaranya berkaitan pelesenan, ketirisan subsidi diesel, kekurangan kemudahan asas di kompleks perikanan dan kebajikan perumahan nelayan yang masih perlu dipertingkatkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | THE SUN | NATIONAL | 2 |



**CASUAL EXCHANGE ...** Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi with Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu at an engagement session with Zon Pantai Barat fishermen in Bagan Datuk yesterday. – ***BERNAMAPIC***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2025 | NST | NEWS | 7 |

ENGAGEMENT SESSION

# DPM TO TACKLE FISHERMEN DETENTIONS

## Zahid vows to resolve longstanding issue in meeting with Indonesia's fisheries minister

ZAHRATULHAYAT MAT ARIF
**BAGAN DATUK**
news@nst.com.my

DATUK Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi will meet with Indonesia's maritime affairs and fisheries minister on the long-standing issue of Malaysian fishermen getting detained in Indonesian waters.

He acknowledged the struggles of fishermen, including boat seizures, equipment confiscations and even imprisonment.

"There have been cases where fishermen, along with their boats, were taken into neighbouring waters, arrested, imprisoned, their boats burnt, nets confiscated and equipment seized — I know this," said the deputy prime minister who, as home minister previously, was aware of such actions.

Zahid said this in his speech at an engagement session with the West Coast Zone Fishing Community at Dewan Dato' Lope Hashim here.

Present was Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu.

To resolve the matter, Zahid said he and Mohamad would visit Indonesia to engage in direct discussions.

"I have done this before. (While the) Sungai Besar by-election (was going on in 2016), seven of our fishermen were detained and imprisoned.

"At that time, I sought assistance from my friends in Indonesia to help secure their release.

"We also know that certain operations are carried out by specific parties in the respective countries to meet their targets — determining how, how many and where these fishermen must be taken.

"I believe fishermen from Selangor, Negri Sembilan and other places face similar challenges, and I will work to resolve this."



*Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi*

Besides diplomatic efforts, Zahid urged the government to provide better support for fishermen by modernising their equipment.

He proposed that the Agriculture and Food Security Ministry introduce a leasing scheme to help fishermen acquire advanced technology such as smart sonar, integrated GPS and marine surveillance drones.

"Not all fishermen and boat owners are wealthy. I hope the ministry can assist in ensuring that modern technology is implemented to increase fishing efficiency.

"Conventional methods should no longer be prioritised," he said, calling on financial institutions, including those under the Entrepreneur and Cooperative Development Ministry, to facilitate a lease-to-own scheme for fishermen.

On another matter, Zahid said fuel subsidies for fishermen should be retained, warning that any cuts could jeopardise their livelihoods and impact national food security.

With more than RM82 billion allocated for subsidies across various sectors, including fisheries, he said the fishermen's contributions justified continued support from the government.

"I urge the minister (Mohamad) and the chief secretary to the government to heed the fishermen's request. Do not remove the subsidies and replace them with targeted ones just because the government is facing difficulties in distributing subsidies.

"Fishermen contribute significantly to the country. They provide protein to the people of Malaysia. The government must protect their welfare. Therefore, subsidy targeting must be done by the Agriculture and Food Security and the Economy Ministries."

Zahid said the fishing community had also raised concerns about delays in obtaining and transferring fishing licences.

"On behalf of all fishermen, I urge that the transfer of fishing licences be expedited."

Zahid said at the cabinet meeting tomorrow, he would propose the setting-up of a high-level committee involving five ministries to address the challenges faced by fishermen nationwide.

These are the Agriculture and Food Security Ministry, Finance Ministry, Home Ministry, Entrepreneurship and Cooperatives Development Ministry and Economy Ministry.

He said the committee, to be chaired by him, would find solutions to various issues raised during engagement sessions across five zones.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | THE SUN | NATION | 4 |


# Better deal for fishermen

## High-level committee to address issues, protect welfare

**BAGAN DATUK:** A high-level committee will be established to address issues affecting fishermen in the country and ensure their welfare remains protected, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said the committee, chaired by him, will involve five ministries: the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM), the Finance Ministry, the Home Ministry, the Entrepreneur Development and Cooperatives Ministry, as well as the Economy Ministry.

He said the proposal to form the committee will be brought to the Cabinet tomorrow.

"This is to find solutions to several issues raised during engagement sessions with the fishing community, which were conducted across five zones.

"Of course, these issues vary, but many of them share similarities," he said at a press conference after an engagement session with west coast fishermen here yesterday, Bernama reported.

Also present were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, KPKM secretary-general Datuk Seri Isham Ishak, Perak rural development, plantation, agriculture and food industries committee chairman Datuk Mohd Zolkafly Harun and Fisheries Development Authority chairman Muhammad Faiz Fadzil.

Elaborating further, Ahmad Zahid said the fishermen's cost of living allowance should be improved, including providing incentives based on their catch volume.

"We will not stop giving the RM300 aid; in fact, we will find ways to increase it. The more they catch, the more incentives they will receive. This is to encourage fishermen to work harder and prevent leakages," he said.

Ahmad Zahid said adjustments should be made to the targeted diesel subsidy for fishermen to ensure it remains aligned with the government's responsibility to assist them.

"Instead, a specific scheme is needed to replace this targeted subsidy, an aid that supports the welfare of fishermen and benefits the fishing community," he said.



**Hearing them out:** Ahmad Zahid (centre) and Mohamad Sabu (left of Zahid) posing with fishermen during the engagement session in Bagan Datuk, Perak. – Bernama

Meanwhile, he stressed that the revolution in fishing technology must be accelerated to help fishermen adapt to modern technology – such as smart sonar, integrated GPS, maritime surveillance drones and smart aquaculture systems – which could boost catch yields more efficiently.

"For that, perhaps Agrobank can introduce a lease-to-own scheme for technological equipment, ensuring access to innovation without burdening fishermen with high costs," he added.

More than 500 fishermen from Perak, Selangor and Negri Sembilan attended the fifth and final engagement session, which served as a platform for the government to engage with fishermen, industry players and relevant agencies.

The session aimed to address challenges faced by fishermen and develop practical solutions through policies aligned with real-world conditions.

At the event, Ahmad Zahid handed over a cost of living allowance of RM300 to each eligible fishermen. The aid, amounting to RM27mil, benefited 7,503 west coast fishermen.

He also presented fishing equipment assistance, or touch point aid, to 66 fishermen from the west coast zone totalling RM720,000, as well as the B40 fishermen's housing assistance.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2025 | THE STAR | NATION | 9 |

# Ministry to meet Johor poultry farmers after Wee raises subsidy woes

THE Agriculture and Food Security Ministry has agreed to meet with egg and chicken farmers in Johor, whose subsidy applications were rejected.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said that such sessions as proposed by Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) would make the subsidy delivery process more transparent.

"Previously, we had required that physical forms be submitted for the subsidy applications and when the farmers came to the offices, we would inform them about the terms.

"When we shifted to online forms, the same terms were displayed on the Veterinary Services Department's (DVS) website.

"Nevertheless, I welcome the proposal to conduct an engagement session to further share about the application process," he said when responding to Dr Wee in a Special Chambers session yesterday.

Dr Wee earlier said that he had received complaints from the Johor Small and Medium Poultry Farmers Association, which had claimed that their subsidy applications had been rejected because of technical issues.

"Covid-19's impact on the supply chain is still felt by players in the poultry farming sector.

"To balance the losses and ease the financial burden of the farmers, the government has agreed to provide special subsidies to those affected. However, until now, some have not received their subsidy payments, including 11 members of the Johor Poultry Farmers Association, who have been waiting for three years since their application," he added.

Dr Wee said that they have collectively submitted 29 appeals to the ministry, yet they still have not received subsidy payments for July 2022, which amounts to more than RM2.01mil.

"This has indirectly affected their farm operations," said Dr Wee. "They have also been informed of various reasons for being rejected such as changing their bank accounts or incomplete information in their applications. However, the applicants



deny this and insist that they have fully complied with the conditions," he said.

In response, Kurup said these applications were rejected after failing to meet the additional conditions outlined in the chicken and egg subsidy guidelines.

The reasons included not using an Agrobank account, unsigned invoice summaries and lacking a commissioner of oaths stamp.

"Furthermore, the number of chickens sold and sales period were not provided, and the applications were submitted late," he said, while adding that only one out of the 11 farmers had submitted an appeal.

"The remaining 10 farmers did not submit appeals and were not considered as they did not comply with the additional conditions."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | HARAKAH | UTRARA | 20 |


# Kerajaan digesa percepatkan projek Jeniang Transfer

**JERLUN:** Kerajaan Persekutuan digesa untuk mempercepatkan projek Jeniang Transfer bagi menangani masalah bekalan air yang dijangka semakin serius disebabkan fenomena cuaca dan iklim dari tahun ini hingga 2035.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata setakat ini Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) hanya dapat memanfaatkan 35 peratus sahaja bekalan air daripada sistem pengairan yang sedia ada.

Oleh itu, beliau menegaskan bahawa projek Jeniang Transfer adalah penyelesaian yang tepat untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan tersebut.

Sanusi turut menyokong penuh projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun, yang dianggap amat penting bagi masa depan negara, terutamanya untuk memastikan bekalan makanan mencukupi bagi keperluan penduduk yang semakin meningkat.

"Kerajaan kini terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mengimport beras iaitu sebanyak RM2,800 bagi setiap tan metrik, sedangkan kos untuk menghasilkan beras tempatan hanya RM1,500 se tan," katanya.



Sanusi di samping Anwar dan Mohamad Sabu.

Projek tersebut dilancarkan pada Majlis Peluncuran Projek Pembangunan Infrastruktur yang diadakan di Kampung Pida 4, Ayer Hitam, pada Khamis lalu.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan turut dihadiri oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu.

Sanusi juga menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan perlu bertindak lebih pantas untuk memastikan dasar dan matlamat yang digariskan dapat dicapai, terutama dalam menghadapi masalah yang melanda kilang-kilang beras milik Bumiputera, yang terpaksa 'gulung tikar' disebabkan beberapa faktor.

"Contohnya, Kilang Beras Dibuk di Perlis yang telah beroperasi selama 57 tahun namun terpaksa ditutup. Isu ini perlu diberi perhatian serius oleh kementerian yang berkaitan," ujarnya.

Selain itu, masalah tanah jerlus yang menjejaskan para petani di kawasan MADA turut menjadi tumpuan.

Sehingga kini, lebih 2,000 hektar sawah di kawasan MADA berisiko menghadapi masalah tersebut. 800 hektar daripadanya telah dikenal pasti mengalami kerosakan serius yang menyebabkan padi tidak dapat dituai walaupun kerja-kerja penanaman dan penjagaan telah dilakukan dengan sepenuh hati.

Sanusi juga berkata, punca utama masalah ini adalah penggunaan mesin besar dan berat yang menyebabkan struktur tanah menjadi rapuh dan tidak dapat menampung beban, seterusnya menyukarkan jentera untuk memasuki kawasan jerlus tersebut.

"Masalah ini menyebabkan tumpahan padi kira-kira 20 peratus setiap musim, yang mengakibatkan kerugian besar kepada petani," tambah beliau.

Beliau juga memohon agar pihak Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan lebih berkesan bagi menyelesaikan masalah ini yang semakin serius.

Di samping itu, Sanusi juga menggesa Mohamad Sabu untuk meneliti masalah benih padi yang sering kali tidak berkualiti dan mengganggu hasil tanaman petani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | HARAKAH | MUKA DEPAN | 1 |

# Siapa dalang sorok beras tempatan?

## BPT tiada di pasaran, tiba-tiba ada




ISU percampuran beras putih tempatan (BPT) dengan beras putih import (BPI) menimbulkan persoalan apabila Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 1 Mac 2025 mendedahkan bahawa ia sudah berlarutan sejak lebih 50 tahun lalu.

Ini kerana bekalan BPT dilaporkan semakin meruncing bermula pada 2023, susulan *trend* pengguna yang terpaksa beralih daripada membeli BPI kepada BPT, ekoran kenaikan harga mendadak disebabkan tindakan India menghentikan eksport bahan mentah itu.

Masalah itu makin ketara pada awal tahun ini, menyebabkan pengguna terpaksa pula bergantung kepada BPI yang harganya lebih mahal.

Namun, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan KPKM menyegerakan usaha pemulihan bekalan BPT di pasaran, BPT bersubsidi mula diedarkan di beberapa negeri bermula 3 Mac 2025.

Persoalan susulan timbul kenapa bekalan BPT yang semakin meruncing itu, dan heboh diperbahaskan khususnya Ahli Parlimen Perikatan Nasional, tiba-tiba ia boleh pula muncul dan dilaporkan turut diedarkan di negeri-negeri yang dikuasai Perikatan Nasional termasuk Perlis dan Terengganu? Justeru, siapa yang menyimpan dan menyorok PBT selama ini?

LANJUT DI ▶ H2 & H3



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2025 | HARAKAH | NASIONAL | H2 |

# Lima dekad lalu harga beras tak semahal sekarang

Oleh **NORHANA MAT ZIN**

SPEKULASI beras putih tempatan (BPT) dicampur dalam kampit beras putih import (BPI) sebelum dijual di pasaran telah terjawab, apabila kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) disahkan bercampur dengan BPT.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 1 Mac 2025 mengeluarkan kenyataan bahawa isu percampuran BPT dengan BPI di negara ini sudah berlarutan sejak lebih 50 tahun lalu.



Salamiah Mohd Nor

KPKM juga memaklumkan Pasukan Petugas Khas Bersepadu Operasi BPT mendapati punca kekurangan bekalan BPT adalah disebabkan masalah struktur harga belian padi, kos pengeluaran beras dan harga siling BPT, selain disebabkan oleh tiada peruntukan khusus mengenai larangan percampuran beras dalam Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522)

Mengulas mengenai kenyataan terbaharu KPKM itu, Ahli Parlimen Temerloh, **Salamiah Mohd Nor** berkata, persoalan itu terjawab apabila Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan bahawa KPKM mengakui bahawa memang wujudnya percampuran BPT dan BPI.

Namun, Salamiah juga menyatakan, selepas pelbagai pihak termasuk pembangkang dan netizen mengecam Menteri KPKM itu, malah ada yang mencadangkan Mohamad Sabu meletakkan jawatan, tiba-tiba sahaja KPKM mendedahkan mengenai percampuran BPT dan BPI yang telah berlaku sejak tahun 1970-an, iaitu lebih 50 tahun namun tiada tindakan dilakukan bagi mengawal kegiatan tersebut.

Menurut KPKM, maklumat itu diperoleh hasil daripada kajian dilakukan Kajian Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) pada 17 Disember 2024.

## Beras bertimbun ketika PRK

Salamiah menegaskan, selama ini KPKM menafikan, lepas tangan, tidak pernah ada jawapan, tetapi seterusnya kementerian itu mengaitkan pula bahawa masalah percampuran BPT dan BPI ini telah berlarutan sejak 50 tahun lalu.

"Jadi, kita nampak kementerian nak menyalahkan orang (pihak) lain (untuk cuci tangan).

"Tetapi kita kena ingat, walaupun 50 tahun yang lepas sudah ada BPT (dicampurkan) bersama dengan BPI, tetapi harga beras tidak semahal seperti hari ini (selepas diperintah Kerajaan Madani) dan BPT (ketika itu) masih ada (di pasaran)," katanya kepada *Harakah*.

Menurut beliau, apa yang dihadapi oleh rakyat pada masa kini adalah ketiadaan bekalan BPT di pasaran.

"Kita lihat, BPT wujud ketika berlangsungnya jualan madani atau jualan rahmah," katanya.

Terkini pula apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan KPKM untuk menyegerakan usaha pemulihan bekalan BPT di pasaran, BPT bersubsidi mula diedarkan di beberapa negeri bermula 3 Mac 2025.

"Pelik, apakah sebenarnya perancangan yang dijalankan oleh Kementerian tersebut? Ini bermakna, bekalan BPT ada, tetapi kenapa ia disimpan? Ia hanya diwujudkan semasa jualan rahmah dan dijual dengan harga rahmah.

"Selain itu, kita lihat, bahawa beras akan bertimbun semasa Pilihan Raya Kecil (PRK), berlori-lori boleh sampai (jumlahnya)," tegasnya.

## Dalang utama simpan, sorok PBT

Salamiah berkata, persoalan di sini adalah sebenarnya siapakah dalang utama yang menyimpan dan menyorok BPT ini?

Katanya, walau apa pun tindakan yang dilakukan KPKM seharusnya bertanggungjawab terhadap isu ini.

"Jangan pula beliau (Menteri KPKM) kaitkan dengan kesilapan pihak terdahulu," ujarnya.

Salamiah menyatakan bahawa sudah dua tahun Mohamad Sabu telah dilantik sebagai Menteri di KPKM.

"Sepatutnya beliau bertanggungjawab menyelesaikan isu BPT dan melakukan penyelesaian ke arah yang lebih baik," tegasnya.



Abu Irfan Muhammad Al-Urduni

Kalau 50 tahun lepas, ujar beliau, aktiviti penyelesaian dilakukan sudah tentu tahun ini tidak perlu dijalankan.

"Sepatutnya, lebih baik. Apa yang berlaku sekarang, kita lihat harga beras mahal dan tiada lagi BPT dan yang ada pada masa kini hanya BPI di pasaran.

## Tindakan campur BPT, BPI satu pengkhianatan

"Kita mahu Menteri di KPKM itu sendiri bertanggungjawab terhadap isu ini secara cepat dan tegas.

"Menteri perlu hentikan aktiviti-aktiviti yang salah dan kembalikan BPT di pasaran," katanya.

Sementara, Ketua Penerangan Badan Perhubungan PAS Negeri Johor, **Abu Irfan Muhammad Al-Urduni**, berkata hasil kajian MARDI bahawa BPT dicampurkan dengan BPI itu menunjukkan betapa pengkhianatan dan tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan.

"Pendedahan (MARDI) ini juga membongkarkan punca ketiadaan bekalan beras tempatan sejak lebih setahun lalu," katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Menurutnya lagi, apa yang menyedihkan dan menjadi persoalan adalah apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Mohamad Sabu bagi menyelesaikan masalah ini?

"Kegagalan pihak KPKM mengambil tindakan terhadap pihak yang melakukan jenayah ini mengakibatkan rakyat semakin terbeban dengan kenaikan harga barang dalam keadaan ekonomi yang mencengkam di awal tahun 2025 ini.

"Sampai bila agaknya isu sebegini akan berpanjangan.

"Atau apakah masih layak Menteri KPKM terus memegang tanggungjawab yang telah gagal dilaksanakan?

"Kerajaan Madani perlu mengambil tindakan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | HARAKAH | NASIONAL | H3 |

# 50 tahun dulu BPT ada di pasaran, sekarang sukar diperoleh

Oleh **NORHANA MAT ZIN**

KEMENTERIAN Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) baru-baru ini mendedahkan bahawa aktiviti percampuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI) bukanlah amalan baharu, sebaliknya telah berlangsung sejak 50 tahun lalu.

Mengulas kenyataan KPKM itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu, **Dr Azman Ibrahim**, menegaskan bahawa KPKM seharusnya bertanggungjawab dalam penguatkuasaan dan kawal selia urusan beras ini.

"Dahulu, walaupun bekalan BPT telah dicampurkan dengan bekalan BPT, hasilnya BPT masih ada di pasaran.

"Namun kini, percampuran (BPT dan BPI) ini menyebabkan BPT sukar diperoleh di pasaran," katanya kepada *Harakah*.



Isu sekarang ialah kenapa beras putih tempatan berkurangan di pasaran?

Menurut Dr Azman, di Terengganu, kadar cukup sara diri pengeluaran beras meningkat dari 43 peratus pada 2018 kepada 58 peratus menjelang 2023 hasil pelbagai usaha yang dilakukan untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Namun, beliau menyatakan bahawa BPT masih sukar didapati di pasaran Malaysia, sekali gus menimbulkan persoalan tentang pengagihan dan kawalan bekalan di seluruh negara ini.

Kerajaan negeri, katanya, berusaha mengekalkan tanah sawah agar tidak ditukar kegunaan, menaik taraf sistem pengairan; membuka kawasan sawah baharu; meningkatkan kekerapan penanaman padi dari sekali ke dua kali setahun; serta meningkatkan hasil pengeluaran per hektar bagi memastikan kelangsungan sektor pertanian dan kebajikan pesawah terjaga.



Dr Azman Ibrahim

Dr Azman berkata, pendedahan isu percampuran BPT dan BPI pada ketika ini sebenarnya menambah desakan agar kerajaan lebih tegas dalam mengawal selia industri beras.

"Ia adalah bagi memastikan ketelusan dalam rantaian bekalan, serta melindungi kepentingan petani dan pengguna di seluruh negara," katanya.

## Isu BPT makin meruncing sejak 2023

Sementara itu, Timbalan Pesuruhjaya PAS Wilayah Persekutuan, **Dr Rosni Adam** berkata, pihaknya memandang serius isu kekurangan bekalan BPT yang semakin meruncing sejak 2023 lagi, dan situasi ini boleh disifatkan sebagai gambaran kegagalan kerajaan dalam mengawal selia industri padi dan beras.



Dr Rosni Adam

Menurutnya, kini timbul kebimbangan dalam kalangan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah yang terpaksa membeli BPI pada harga lebih tinggi.

Beliau menegaskan bahawa amalan percampuran BPI dan BPT menambah tekanan kepada pengguna dan menimbulkan persoalan mengenai ketelusan industri padi dan beras negara.

"Lebih membimbangkan, penutupan kilang padi Bumiputera akibat monopoli pasaran semakin menjejaskan daya saing pengusaha tempatan, seperti yang berlaku kepada Kilang Dibuk Sdn Bhd di Perlis.

"Apakah situasi ini menggambarkan kegagalan kerajaan dalam mengawal selia industri padi dan beras?

"Struktur pasaran yang berat sebelah memberi kelebihan kepada syarikat besar sementara pengusaha kecil terus terpinggir," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah beliau, kerajaan juga masih gagal menyemak semula dasar harga BPI yang tidak berubah sejak 16 tahun lalu, meskipun kos operasi dan sara hidup semakin meningkat.

"Ketidakseimbangan ini menyebabkan lebih banyak kilang padi Bumiputera berdepan risiko gulung tikar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2025 | HARAKAH | MEMO PEMBACA | 5 |

# Beras tempatan dicampur beras import: Kerajaan gagal

SAYA ingin mengutarakan kebimbangan mengenai kekurangan beras tempatan yang semakin meruncing.

Rakyat sudah lama menyedari bahawa masalah ini dicampur-adukkan dengan beras import, menyebabkan ketidakstabilan bekalan dan kenaikan harga.

Walaupun isu ini jelas, kerajaan seolah-olah tidak mengambil langkah berkesan untuk menyelesaikannya.

Pengeluaran beras tempatan tidak mencukupi, dan kita terus bergantung pada import.

Masalah seperti tanah yang tidak subur, cuaca tidak menentu, serta kos pengeluaran yang tinggi turut memburukkan keadaan.

Namun, kerajaan gagal memperkenalkan teknologi moden atau sokongan yang mencukupi kepada petani tempatan.

Justeru, rakyat berharap kerajaan lebih peka dan mengambil tindakan tegas, seperti meningkatkan pengeluaran beras tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada import, bagi memastikan bekalan yang stabil dan harga yang berpatutan.

**Izham Azman**,
Kuala Lumpur